



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



FAKTOR KECICIRAN MURID ORANG ASLI TEMIAR DALAM
PENDIDIKAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH KECIL
SUNGAI SIPUT (U), PERAK

*FACTORS FOR THE DROPOUT OF TEMIAR INDIGENOUS STUDENTS'
EDUCATION IN SECONDARY SCHOOLS IN SMALL DISTRICT OF SUNGAI
SIPUT (U), PERAK*

Nordiana Daud¹, Mohd Syaubari Othman^{2*}

¹ Department of Education Studies, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: polaris85@me.com

² Department of Education Studies, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.02.2025

Revised date: 17.02.2025

Accepted date: 09.03.2025

Published date: 17.03.2025

To cite this document:

Daud, N., & Othman, M. S. (2025). Faktor Keciciran Murid Orang Asli Temiar Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah Daerah Kecil Sungai Siput (U), Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 624-643.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057040

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor penyumbang kepada keciciran murid orang Asli sub-etnik Temiar dalam pendidikan di sekolah menengah daerah kecil Sungai Siput (U), Perak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan bagi mendapatkan data daripada responden kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Dalam kajian ini, populasi adalah melibatkan murid asli yang tersenarai dalam murid risiko cicir yang diperoleh daripada data *Red Flag Risiko Cicir* (RFRC) yang dibangunkan oleh Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Seramai 141 orang responden yang terdiri daripada murid pendidikan khas dan arus perdana dari tingkatan 1 hingga tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bawong. Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah set soal selidik berbentuk tertutup yang mengandungi 45 item merangkumi tiga konstruk iaitu sikap, budaya dan infrastruktur. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif bagi mencari nilai min dan sisihan piawai serta analisis inferensi dengan ujian-T (*T-Test*) sampel bebas. Manakala analisis kebolehpercayaan bagi instrumen mendapati kebolehpercayaan instrumen kajian berada adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai *Aplha Cronbach* sebanyak 0.9. Dapatan kajian pula menunjukkan bahawa keseluruhan ketiga-tiga konstruk berada pada tahap yang rendah dengan nilai skor min di antara 1.82 sehingga 2.10. Manakala hasil daripada analisis inferensi pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina murid lelaki dan murid perempuan bagi konstruk sikap ($p=0.001$) dan budaya ($p=0.001$). Dapatan kajian ini juga menunjukkan

bahawa konstruk infrastruktur iaitu item murid perlu menjaga ahli keluarga yang tidak sihat dan kerap kehilangan barang di asrama mempengaruhi murid untuk tidak hadir ke sekolah iaitu sebanyak 42%. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga konstruk mempunyai pengaruh terhadap masalah ketidakhadiran murid orang Asli ke sekolah, namun perhatian perlu diberikan kepada kemudahan infrastruktur dan sokongan yang lebih kuat terhadap penyediaan kemudahan di kawasan terpencil terutamanya kawasan tempat tinggal bagi masyarakat orang Asli bagi memastikan akses kepada pendidikan yang adil dan inklusif untuk semua murid dapat dilaksanakan.

Kata Kunci:

Murid Orang Asli, Temiar, Faktor Keciciran, Pendidikan, Sekolah Menengah

Abstract:

This study aims to identify the factors contributing to the dropout of Orang Asli students of the Temiar sub-ethnic group in education at secondary schools in the Sungai Siput (U) sub-district, Perak. This study uses a quantitative approach through a survey method to obtain data from study respondents using a questionnaire. In this study, the population involves indigenous students listed as students at risk of dropping out obtained from the Red Flag Risk of Dropout (RFRC) data developed by the Student Development Sector, Perak State Education Department. A total of 141 respondents consisting of special education students and special education students from form 1 to form 4 from Sekolah Menengah Kebangsaan Bawong. The instrument used in the study is a closed-ended questionnaire set containing 45 items covering three constructs, namely attitude, culture and infrastructure. The data from this study was analyzed descriptively to find the mean value and standard deviation as well as inferential analysis with an independent sample T-test. While the reliability analysis of the instrument found that the reliability of the study instrument was at a high level with a Cronbach's Alpha value of 0.9. The study findings also show that all three constructs are at a low level with a mean score value between 1.82 and 2.10. Meanwhile, the results of inference analysis show that there is a significant difference between male and female students for the constructs of attitude ($p=0.001$) and culture ($p=0.001$). The findings of this study also show that the infrastructure construct, namely the item students need to take care of family members who are not healthy and often lose things in the dormitory, influences students to not attend school, which is 42%. Overall, all three constructs have an influence on the problem of absenteeism of Orang Asli students to school, but attention needs to be given to infrastructure facilities and stronger support for the provision of facilities in remote areas, especially areas where the Orang Asli community lives, to ensure that access to fair and inclusive education for all students can be implemented.

Keywords:

Orang Asli Students, Temiar, Dropout Factors, Education, Secondary School

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting kepada setiap individu. Melalui pendidikan, seorang individu dapat menambah ilmu pengetahuan dengan melakukan perubahan, mengembangkan potensi dan dapat mencapai impian demi masa depan yang lebih baik.

Dalam usaha kementerian merealisasikan aspirasi negara mendepani era globalisasi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus beriltizam untuk memperkukuhkan prestasi murid melalui penyediaan sistem pendidikan yang berkesan dan berkualiti dengan memperkenalkan 11 anjakan utama untuk melaksanakan perubahan dalam sistem pendidikan negara kita. Antara yang menjadi tumpuan termasuklah bagi meningkatkan aktiviti pelaburan dalam menyediakan sumber fizikal dan pengajaran bagi murid berkeperluan khas termasuklah murid orang Asli. Kementerian juga memastikan murid berkeperluan khas ini diberi peluang untuk menerima pendidikan yang berkualiti tinggi bersesuaian dengan keperluan mereka (PPPM 2013-2025, 2013).

Menurut Abdullah et al., (2021), masyarakat orang Asli merupakan komuniti peribumi yang telah menetap di tanah Semenanjung Malaysia, mengamalkan gaya hidup yang unik dipengaruhi oleh persekitaran tempat tinggal mereka, terutamanya di kawasan luar bandar atau pedalaman. Melalui penulisan sejarah, orang Asli diakui sebagai golongan komuniti atau masyarakat yang awal menduduki dan berada di negara kita (W. C. Yew et al., 2021). Malah menurut Sawalludin et al., (2020), masyarakat Asli adalah penduduk yang paling lama dan tertua menetap di tanah Semenanjung Malaysia yang merupakan penduduk minoriti di antara jumlah penduduk dalam negara yang hanya dibezakan dengan bahasa, etnik dan identiti sosio-budaya.

Secara amnya, masyarakat Asli merupakan masyarakat orang asal yang menetap di kawasan terpencil, pedalaman dan terletak jauh dari kawasan bandar dengan mengamalkan cara hidup tersendiri merangkumi budaya, adat resam, bahasa dan perayaannya tersendiri. Walaupun mempunyai jumlah penduduk yang tidak ramai, masyarakat orang Asli dilihat mampu menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi. Demi mencapai hasrat tersebut, pelbagai inisiatif yang telah disediakan oleh pihak kerajaan terutamanya dalam bidang pendidikan. Pendidikan mampu menjadi pengupaya serta agen perubahan kepada kerjaya dan masa depan sekaligus menjadi teras kepada perubahan ekonomi dalam masyarakat orang Asli.

Ianya juga sebagai peluang untuk masyarakat ini berdaya saing dan seterusnya meningkatkan taraf hidup demi kelangsungan hidup. Namun menurut Mohd Nor et al., (2018), masyarakat orang Asli kurang menitikberatkan aspek pendidikan anak-anak mereka disebabkan mereka beranggapan bahawa sekolah adalah tempat untuk bermain, bersantai dan menikmati makanan secara percuma. Menurut K. Hassan et al., (2019), bidang pendidikan dalam kalangan anak-anak orang Asli masih jauh ketinggalan sejak zaman dahulu lagi dan masih dengan masalah yang sama iaitu masalah keciciran disebabkan murid tidak hadir.

Selain itu, kurangnya kemudahan dan menerima perkhidmatan sempurna terutamanya dalam bidang pendidikan menjadikan masyarakat orang Asli hidup sebagai masyarakat yang tersisih disebabkan pandangan negatif dari masyarakat sekitar, dengan tahap literasi yang rendah, lokasi penempatan yang jauh terpencil serta sikap tertutup masyarakat orang Asli (Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, 2009; P. Hassan & Ramli, 2020). Kajian ini memfokuskan kepada faktor penyebab yang menyumbang kepada masalah ketidakhadiran dan keciciran murid orang Asli dalam menerima pendidikan khususnya kepada suku Temiar di daerah kecil Sungai Siput Utara, Perak.

Penyataan Masalah

Pendidikan dilihat sebagai pemangkin utama dalam meningkatkan taraf hidup individu. Ia bukan sahaja membantu memperbaiki kualiti kehidupan seseorang tetapi juga menjadi asas kepada pengukuhan modal sosial dan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Di Malaysia, perhatian khas diberikan kepada murid daripada kumpulan masyarakat orang Asli dan minoriti lain, di samping mereka yang mempunyai cabaran fizikal atau pembelajaran. Inisiatif ini menuntut pembaharuan berterusan dalam sistem pendidikan negara, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dengan matlamat untuk merapatkan jurang pencapaian pendidikan dan memastikan tiada pelajar tercicir daripada menikmati hak pendidikan berkualiti (PPPM 2013-2025, 2013).

Hal ini mencerminkan komitmen negara terhadap prinsip keadilan sosial, di mana pendidikan dijadikan sebagai platform untuk memupuk potensi setiap individu tanpa mengira latar belakang. Ini terbukti melalui pelaksanaan program daya usaha Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi, pelbagai program telah ditambah baik yang bertujuan untuk mengurangkan jurang ketidakhadiran murid orang Asli untuk menghadirkan diri ke sekolah. Bagi mencapai dasar pendidikan berkualiti, murid orang Asli tidak terkecuali dinilai pengetahuannya melalui pencapaian dalam bidang akademik dan diperingkat sekolah, perolehan gred dalam ujian yang dilaksanakan adalah dinilai sama seperti sekolah bandar yang lain.

Menurut Yew et al., (2021), keciciran yang melibatkan anak-anak orang Asli dalam sistem pendidikan boleh menyebabkan kesukaran kepada mereka apabila meningkat dewasa selain masalah penguasaan dalam pembelajaran masih belum dapat diselesaikan dengan kandungan yang terdapat dalam silibus kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira). Marzuki et al., (2014) menyatakan, pada dasarnya di Malaysia masyarakat yang masih tergolong bagi masalah keciciran dalam sektor pendidikan berbanding dengan kumpulan masyarakat yang lain adalah masyarakat orang Asli. Malah menurut Harun et al., (2020) juga, isu pendidikan yang melibatkan anak-anak orang Asli seringkali dikaitkan dengan pencapaian akademik dan dalam aspek pendidikan pula, anak-anak orang Asli dikaitkan dengan isu keciciran dalam arus persekolahan dan sentiasa menjadi agenda nasional.

Ini disokong oleh kenyataan Nordin & Abdul Wahab, (2021) menyatakan, murid orang Asli masih berada dalam keadaan terpinggir disebabkan tahap penguasaan mereka dalam pendidikan yang masih rendah dan tahap pencapaian akademik murid orang Asli juga masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Antara isu yang timbul tentang kegagalan anak-anak orang Asli dalam bidang pendidikan adalah melibatkan isu keciciran dan ketidakhadiran (K. Hassan et al., 2019). Mengikut perangkaan anak orang Asli yang telah berjaya menyambung pengajian ke institut pengajian tinggi awam dan swasta (ipta/ipts) juga masih rendah jika dibandingkan dengan jumlah masyarakatnya yang ada (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2020).

Ini jelas membuktikan penglibatan anak orang Asli dalam bidang pendidikan tidak boleh dipandang remeh dan memerlukan daya usaha dalam menyediakan penyertaan mereka secara menyeluruh. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa isu keciciran murid orang Asli adalah berada pada tahap yang membimbangkan. Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengesan dan mengkaji faktor yang mendorong kepada masalah keciciran murid orang Asli suku Temiar di SMK Bawong. Dengan dapatan tersebut seterusnya dapat mengemukakan cadangan bagi mengurangkan masalah keciciran ini dari berterusan oleh pihak yang terlibat

terutamanya pihak pengurusan sekolah, pejabat pendidikan dan khususnya kepada pihak jabatan pendidikan negeri.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti faktor yang mendorong kepada keciciran murid orang Asli sub-etnik Temiar dalam pendidikan.
2. Menentukan perbezaan pengaruh sikap antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan.
3. Menentukan perbezaan pengaruh budaya antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan.

Kepentingan Kajian

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi melahirkan rakyat yang dinamik serta memiliki sistem pendidikan progresif, isu keciciran perlu ditangani secara holistik bermula dari peringkat akar umbi. Kajian mendalam terhadap fenomena keciciran, khususnya dalam kalangan anak-anak orang Asli, amat penting untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada isu ini. Data yang diperoleh bukan sahaja dapat memberikan gambaran jelas tentang punca keciciran tetapi juga menjadi asas kukuh dalam menyokong pelaksanaan program *Ops Cicir Sifar* di bawah Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU).

Selain itu, kajian ini menjadi langkah strategik dalam memacu peningkatan ekuiti pendidikan melalui transformasi sistem pendidikan yang lebih inklusif dan holistik. Ia bertujuan memastikan masyarakat orang Asli mendapat akses pendidikan berkualiti serta memperbaiki kadar kehadiran mereka ke sekolah, sekali gus mengurangkan kadar keciciran yang berlanjutan. Pendekatan ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memberikan peluang pendidikan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat, terutamanya kumpulan peribumi yang sering berhadapan cabaran unik.

Kajian ini juga berfungsi sebagai asas dalam merangka dasar dan program pendidikan yang lebih efektif. Dengan memahami keperluan sebenar serta hak anak-anak orang Asli, usaha ini dapat menggalakkan penglibatan komuniti orang Asli secara aktif dalam proses pendidikan, seterusnya mencipta suasana pembelajaran yang kondusif. Langkah ini bukan sahaja memastikan akses kepada pendidikan tetapi juga membantu anak-anak orang Asli memanfaatkan peluang yang ada untuk membina masa depan yang lebih cerah dan berjaya. Melalui hasil kajian yang komprehensif, faktor utama penyebab keciciran dapat dikenal pasti dengan lebih tepat.

Ini membolehkan program transformasi pendidikan yang lebih berkesan dirancang dan dilaksanakan, bertujuan menurunkan kadar keciciran secara signifikan. Pada masa yang sama, ia akan meningkatkan pencapaian akademik serta kualiti pembelajaran dalam kalangan murid masyarakat orang Asli, menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam arus pendidikan nasional.

Tinjauan Literatur

Masyarakat Orang Asli (OA)

Masyarakat atau komuniti orang Asli di Malaysia adalah merupakan kelompok etnik yang terdiri daripada pelbagai sub-etnik serta mempunyai identiti dan budaya yang unik. Orang Asli adalah merujuk kepada kelompok masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dengan meletak kebergantungan kepada hasil hutan sebagai sumber kehidupan dan pendapatan bagi meneruskan hidup. Masyarakat Asli mengamalkan cara hidup sama seperti masyarakat lain dan mempunyai bahasa serta adat budayanya tersendiri.

Menurut Mohd Khir Azlina et al., (2019), Mahmud et al., (2022) dan Nazuha et al., (2022) masyarakat dan komuniti orang asli merupakan kelompok atau golongan minoriti masyarakat yang terdapat di semenanjung Malaysia. Malah menurut P. Hassan & Ramli, (2020) masyarakat Asli dikatakan masyarakat terawal yang membuka penempatan dan kediamannya di Tanah Melayu. Menurut portal rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), orang Asli boleh didefinisikan dengan pemilikan tiga ciri utama merangkumi bapanya, ibunya dan anak angkat dari orang Asli iaitu dengan mengamalkan atau mengikut cara hidup, bahasa, adat dan budaya orang Asli serta kuasa menteri dalam memutuskan status pemilikan sebagai orang Asli (JAKOA, 2022).

Berdasarkan Seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), pengiktirafan status Orang Asli tertakluk kepada tiga kriteria utama. Pertama, seseorang dianggap sebagai Orang Asli jika bapanya merupakan anggota kumpulan etnik Orang Asli yang menggunakan bahasa Orang Asli serta mengamalkan cara hidup, adat resam, dan kepercayaan masyarakat tersebut. Pengiktirafan ini turut merangkumi keturunan mereka yang mewarisi ciri-ciri budaya dan tradisi tersebut. Kedua, status Orang Asli juga diberikan kepada individu daripada mana-mana kaum atau etnik lain yang diambil sebagai anak angkat oleh masyarakat Orang Asli sewaktu kecil. Individu ini perlu dibesarkan dalam persekitaran budaya Orang Asli, termasuk penggunaan bahasa, penghayatan cara hidup, serta pengamalan adat resam dan kepercayaan masyarakat Orang Asli.

Keanggotaan individu tersebut dalam kelompok masyarakat Orang Asli menjadi asas kepada pengiktirafan ini. Kriteria ketiga dalam pengiktirafan status Orang Asli menurut Seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) merujuk kepada anak hasil perkahwinan antara seorang wanita daripada kalangan Orang Asli dengan seorang lelaki dari kaum atau etnik lain. Anak ini diiktiraf sebagai Orang Asli dengan syarat tertentu, iaitu mereka mesti bertutur dalam bahasa Orang Asli, mengamalkan kepercayaan masyarakat tersebut, dan kekal sebagai ahli dalam komuniti Orang Asli. Penekanan terhadap penggunaan bahasa, penghayatan kepercayaan, dan keanggotaan dalam masyarakat ini mencerminkan pentingnya pewarisan budaya dan identiti etnik sebagai asas pengiktirafan.

Masyarakat orang Asli di Malaysia dapat dipecahkan kepada tiga etnik utama iaitu merangkumi dari etnik Negrito, etnik Senoi dan etnik Melayu-Proto yang masing-masing mempunyai budaya, cara hidup dan penggunaan bahasa dialek yang berbeza (Fu et al., 2018; JAKOA, 2022; Veloo et al., 2021). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) dan JAKOA (2022), taburan masyarakat orang Asli adalah mewakili sekitar 0.7% iaitu dianggarkan berjumlah 215,215 orang dengan peningkatan sebanyak 5,640 orang berbanding pada tahun 2022 daripada jumlah penduduk dalam Malaysia.

Masyarakat orang Asli bergantung hidup dengan mencari hasil hutan dan menjadikan alam sebagai sumber mendapatkan makanan serta keperluan bagi meneruskan hidup selain berburu bagi mendapatkan sumber protein (Shuhada et al., 2023; Mahmud et al., 2022; Fu et al., 2018; Phipps et al., 2015). Secara keseluruhannya, dari jumlah keseluruhan masyarakat Asli di Malaysia, negeri Perak merupakan negeri kedua tertinggi selepas negeri Pahang iaitu seramai 61,589 orang.

Dasar Pendidikan Orang Asli

Pendidikan merupakan aspek penting dalam usaha bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup dengan lebih baik serta mencapai kesejahteraan dan pembangunan dalam masyarakat orang Asli. Dalam konteks ini, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) memainkan peranan yang signifikan dalam melindungi hak dan kepentingan Pendidikan mereka.

Akta ini juga memberikan kerangka perundangan bagi pengiktirafan dan perlindungan terhadap masyarakat Orang Asli termasuk dalam aspek pendidikan yang berkesan dan relevan dengan budaya mereka (Khalid et al., 2022). Namun, akses kepada pendidikan berkualiti sering kali terhalang oleh faktor seperti geografi, bahasa dan kekurangan sumber dalam melaksanakan pendidikan tersebut (Kamsin & Khalid, 2023; Mohamad Shah et al., 2020). Malah menurut Mohamad Shah et al., (2020) dan Kamsin & Khalid (2023), terdapat usaha dari pihak kerajaan dan agensi bukan kerajaan membantu dalam meningkatkan peluang pendidikan iaitu melalui pembinaan sekolah dan program pendidikan yang sensitif terhadap budaya.

Malah sistem pendidikan yang sedia ada telah mewujudkan program LINUS (Literasi dan Numerasi) yang bertujuan bagi memastikan murid dapat berjaya belajar dan menguasai kemahiran asas 3M melibatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Namun, kajian oleh Aini et al., (2023) mendapati bahawa program ini masih menghadapi cabaran dalam mencapai matlamat terutamanya dalam kalangan murid Orang Asli yang masih terpinggir daripada arus pendidikan perdana. Malah dapatan kajian oleh Mohamad Shah et al., (2020) dan Ithnin et al., (2020) masih terdapat perbezaan yang ketara dalam pencapaian akademik dan dalam bidang pendidikan antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain dalam Malaysia.

Malah kegagalan untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan dalam bidang pendidikan boleh menyukarkan masyarakat orang Asli untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik (Mohd Nor et al., 2018) .

Peranan JAKOA

Sejarah penubuhan JAKOA adalah bermula pada tahun 1954 dengan nama Jabatan Orang Asli (JOA) dan Jabatan Muzium Arkib dan Penyelidikan Orang Asli yang ditubuhkan di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No. 3 pada tahun 1954. Kemudian ditukarkan sepenuhnya kepada Jabatan Orang Asli. Namun pada 16 September 1963, dijenamakan semua kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), di mana JHEOA membina Hospital Orang Asli pertama di Gombak Batu 12, Selangor. Pada 14 Januari 2011 nama JHEOA ditukarkan kepada JAKOA dan Hospital Orang Asli di Gombak Batu 12 diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui kelulusan Jemaah Menteri Kabinet pada 13 Julai 2011 (JAKOA, 2022).

JAKOA menjalankan tanggungjawab yang amat penting dalam meningkatkan Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Sebagai sebuah agensi badan kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kesejahteraan masyarakat orang Asli, JAKOA telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengatasi isu Pendidikan yang dihadapi oleh komuniti ini. Salah satu pendekatan utama yang diambil oleh JAKOA adalah melalui penyediaan program Pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan dan budaya masyarakat orang Asli. Ini adalah termasuk pengenalan kepada modul Pendidikan yang mengintegrasikan elemen kebudayaan orang Asli yang bertujuan untuk meningkatkan minat dan pencapaian akademik pelajar (W. C. Yew et al., 2021).

Dalam konteks ini, kajian oleh Sani, (2014) juga mendapati wujudnya cabaran yang ketara dalam proses pendidikan anak-anak orang Asli termasuk masalah literasi dan keciciran dalam pembelajaran. JAKOA berusaha untuk mengatasi cabaran ini dengan menyediakan latihan dan kemahiran kepada guru-guru dengan menggalakkan penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang lebih inklusif dan relevan dengan budaya setempat. Malah kajian oleh Mohd Nor et al., (2018) mendapati bahawa keterlibatan ibu bapa dan komuniti dalam proses pendidikan anak-anak Asli ini merupakan faktor yang sangat penting bagi meningkatkan prestasi akademik mereka.

Malah, pihak JAKOA juga berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa Pendidikan yang diberikan adalah berkualiti dan memenuhi keperluan Masyarakat orang Asli (A. I. Hassan et al., 2023). Selain itu, JAKOA juga melibatkan diri dalam program yang dianjurkan seperti program pembangunan sosioekonomi yang bertujuan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat orang Asli yang seterusnya memberi impak positif terhadap pendidikan. Dengan meningkatkan keadaan sosioekonomi, anak masyarakat orang Asli akan lebih berpeluang untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik dan berterusan (Hamid et al., 2013; Ng et al., 2022).

Program-program seperti pembangunan tanah pertanian dan penyediaan kemudahan asas adalah antara inisiatif yang juga dilaksanakan untuk membantu masyarakat Asli oleh JAKOA. Melalui usaha ini, JAKOA berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan antara masyarakat orang Asli dengan masyarakat lain terutamanya dalam pendidikan di negara ini. Secara keseluruhannya, peranan JAKOA dalam pendidikan orang Asli adalah pelbagai melibatkan penyediaan pendidikan yang relevan, penglibatan komuniti dan pembangunan sosioekonomi. Usaha-usaha ini adalah penting untuk memastikan masyarakat orang Asli tidak terabai dan terpinggir dalam arus pendidikan.

Dengan pendekatan yang holistik dan bersepadu, peranan JAKOA dalam pendidikan anak murid orang Asli adalah sangat penting bagi membantu dan memastikan keperluan mereka dipenuhi.

Peranan Agensi Kerajaan & NGO

Peranan agensi kerajaan dan *Non-Governmental Organization* (NGO) dalam pendidikan anak murid orang Asli adalah penting. Agensi-agensi ini berfungsi untuk meningkatkan akses pendidikan, menyediakan sokongan dan sumber daya serta membantu dalam pemeliharaan budaya dan identiti masyarakat orang Asli.

Dalam hal ini, pelbagai usaha dan tindakan telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan NGO untuk anak orang Asli dalam memperoleh pendidikan yang berkualiti bagi mendepani cabaran yang dihadapi. Menurut kajian oleh (Khir et al., 2023), antara program yang dilaksanakan adalah oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Program Peningkatan Pendapatan (*Income Increment Program, IIP*). Program ini dijalankan adalah bertujuan bagi menurunkan kadar kemiskinan yang dihadapi oleh kalangan masyarakat Orang Asli dengan memberikan sokongan ekonomi dan meningkatkan pendapatan mereka.

Seterusnya program yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan iaitu KEDAP, merupakan program Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi yang bertujuan untuk memberikan pendidikan dan kemahiran asas bagi literasi dan numerasi kepada ibu bapa dan penjaga orang Asli. Objektif program adalah untuk membantu ibu bapa dalam memahami dan menyokong pendidikan yang diterima oleh anak-anak mereka di sekolah. Program ini menekankan kepada kemahiran asas yang wajib dikuasai melibatkan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (KPM, 2024). Agensi kerajaan Malaysia juga menyediakan Program Pendidikan Prasekolah Orang Asli yang bertujuan mempersiapkan mereka sebelum memasuki alam persekolahan formal di sekolah rendah.

Program ini dijalankan oleh JAKOA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan fokus utama program adalah untuk mengatasi masalah jurang dan perbezaan tahap pendidikan antara anak masyarakat orang Asli dengan masyarakat lain diluar (KPM, 2024). Seterusnya adalah Program Sekolah Dalam Hospital (SDH) yang menyediakan akses pendidikan kepada anak masyarakat orang Asli yang menghadapi masalah kesihatan dan tidak dapat hadir ke sekolah. Program ini adalah kerjasama antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Yayasan Nurul Yaqeen (KPM, 2024). Fokus utama SDH adalah untuk memastikan bahawa anak orang Asli tetap menerima pendidikan walaupun ketika mendapatkan rawatan di hospital.

Seterusnya adalah Program MyKasih yang dianjurkan oleh Yayasan MyKasih sebuah NGO yang memfokuskan kepada pendidikan dan kesejahteraan komuniti berpendapatan rendah termasuklah orang Asli. Melalui bantuan tunai elektronik, setiap keluarga akan menerima sokongan pendidikan bagi anak-anak mereka termasuk peralatan persekolahan, bantuan makanan dan pembiayaan lain yang berkaitan dengan pendidikan (MyKasih, 2024). Kemudian program daripada Yayasan Budi Penyayang iaitu Program Pemulihan Khas untuk masyarakat orang Asli. Program ini memberi fokus kepada murid Asli yang tercicir daripada sekolah atau menghadapi masalah dalam pembelajaran.

Program ini menyediakan sokongan pendidikan tambahan bagi menggalakkan anak masyarakat orang Asli untuk kembali ke alam persekolahan dan memperbaiki pencapaian akademik sekaligus menempatkan diri dalam pembangunan dan kemajuan sosioekonomi negara.

Masalah Pendidikan Orang Asli di Malaysia

Kajian oleh Mohd Nor et al., (2018) mendapati, kesedaran tentang kepentingan pendidikan adalah rendah sekaligus menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi. Ini menyokong kenyataan oleh PPPM, (2013) dan Awang et al., (2022), menyatakan disebabkan kadar dan jumlah keciciran yang tinggi tahap pencapaian akademik dalam kalangan murid orang Asli adalah sangat rendah dan pada tahap yang membimbangkan dan masalah seperti ini sepatutnya

tidak berlaku secara serius kerana peruntukan dan kemudahan yang pelbagai juga telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Ini jelas melalui tindakan dan inisiatif bagi program Transformasi Pendidikan Orang Asli yang diusahakan dan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan mensasarkan peningkatan kehadiran bagi murid orang Asli untuk hadir ke sekolah. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti program intervensi berfokus melibatkan program jom kembali ke sekolah, program jom masuk asrama, pemberian sijil hadir 100% kepada murid dan juga program bersama ibu bapa dan komuniti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Kajian oleh K. A. Hassan et al., (2019) mendapati pendidikan dalam kalangan anak orang Asli masih ketinggalan dengan isu yang berterusan iaitu melibatkan isu tidak hadir dan kegagalan untuk bersekolah serta menghadapi kesukaran dalam memperoleh pendidikan yang terbaik dan berkualiti disebabkan faktor penempatan yang jauh di pedalaman serta kedudukan geografi perkampungan selain masalah kenderaan yang diperuntukkan dan disediakan untuk anak mereka datang ke sekolah juga adalah usang dan kerap mengalami kerosakan.

Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan dalam pencapaian akademik antara anak-anak aliran arus perdana dengan anak-anak orang Asli dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Ini disokong dapatan kajian oleh P. Hassan & Ramli (2020) mendapati, kadar buta huruf atau tidak boleh membaca dalam kalangan orang Asli juga sangat tinggi berbanding dengan etnik lain. Kajian yang dijalankan oleh Hasra et al. (2019) menyatakan bahawa murid orang asli tiada motivasi untuk cemerlang malah menghadirkan diri ke sekolah hanya untuk memenuhi kehadiran sedangkan jiwa masih di rumah. Malah kenyataan oleh Nadzirah & Nasir (2023) mendapati bahawa bilangan masyarakat orang Asli yang menguasai kemahiran asas 3M merangkumi membaca, menulis dan mengira adalah sangat terhad kerana penguasaan terhadap Bahasa Melayu juga didapati sangat rendah.

Kajian yang dijalankan oleh Nordin & Abdul Wahab (2021) mendapati bahawa murid orang Asli masih lagi memencilkan diri dan tahap penguasaan mereka juga masih lemah dalam pelajaran selain kehidupan ala kadar tanpa ada perkembangan dan kemajuan untuk mengubah nasib keluarga juga adalah salah satu punca murid orang Asli tercicir dalam pendidikan. Hasil dapatan kajian oleh Sawalludin et al., (2020) juga mendapati bahawa masyarakat orang Asli menghadapi masalah dalam kemajuan di bidang pendidikan berbanding dengan kaum lain yang terdapat di Malaysia. Selain itu masalah jarak yang jauh ini telah memberi kesan terhadap masa perjalanan untuk sampai ke sekolah yang juga mengambil masa dan sekaligus mengganggu pembelajaran di sekolah (Marzuki et al., 2014).

Malah dalam kajian Abd Jalil & Abdullah (2023) juga menyatakan kedudukan masyarakat orang Asli ini yang jauh daripada kawasan bandar menghalang dan menyebabkan mereka tidak dapat merasai dan menikmati kemudahan awam yang disediakan termasuklah perkhidmatan pengangkutan awam, perpustakaan awam masyarakat, jalan raya dan kemudahan komunikasi. Faktor lain yang juga mempengaruhi kadar jumlah keciciran yang tinggi adalah masalah sikap. Dalam kajian Awang et al., (2022) mendapati bahawa sikap murid yang sambil lewa dan ambil mudah, malas belajar, tidak berminat untuk belajar, berasa rendah diri, sifat malu yang tinggi, enggan bergaul dengan rakan sekelas mahupun dengan berbeza kaum dan kurangnya keyakinan terhadap kebolehan dalam akademik adalah antara punca isu keciciran berlaku selain faktor sikap ibu bapa yang menurut kehendak anak-anak yang menyuarakan untuk berhenti sekolah ibu bapa secara sukarela akan menurutkan tandatangan tanda bersetuju.

Ini disokong oleh kenyataan Mat Pelet Mohamad Nik et al.(2023) bahawa sikap dan amalan masyarakat orang Asli dalam pendidikan masih tidak berubah sejak sekian lama disebabkan tahap kesedaran yang masih rendah sehingga memberi kesan dalam pendidikan serta penempatan yang menjadi pilihan utama masyarakat orang Asli juga adalah kawasan yang jauh dari kawasan membangun atau dalam istilah lainnya adalah kawasan yang jauh ke dalam hutan. Sikap yang tidak mengambil berat serta tidak bersungguh-sungguh juga masih tinggi dan ini menunjukkan bahawa masalah dalam pendidikan melibatkan orang Asli sebenarnya mempunyai hubungan berkait rapat dengan kognitif dan tingkah laku mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Zainal et al., 2022). Selain dari sikap murid itu sendiri, pendorong utama anak-anak dalam kehidupan adalah sokongan daripada ibu bapa.

Peranan ibu bapa dituntut dalam segala aspek termasuklah dalam bidang pendidikan. Hubungan antara ibu bapa dan anak sangat penting kerana ianya boleh memberi pengaruh yang kuat dalam kejayaan anak-anak. Namun, kebanyakan daripada ibu bapa atau penjaga masyarakat orang Asli kurang menyedari tentang sebenar kepentingan pendidikan dan kurangnya kesedaran untuk menghantar anak ke sekolah (Abd Jalil & Abdullah, 2023). Antara faktor-faktor lain yang juga menyumbang kepada kadar keciciran dalam kalangan masyarakat Asli antaranya penilaian orang luar yang sangat rendah (Nordin & Abdul Wahab, 2021); kebolehcapaian orang Asli ke institusi pendidikan terdekat (Sawalludin et al., 2020); kadar literasi yang rendah, pandangan negatif masyarakat sekitar, sikap tertutup masyarakat orang asli, faktor geografi (P. Hassan & Ramli, 2020); masalah pemerolehan dokumen sijil kelahiran dan kad pengenalan (K. Hassan et al., 2019); akademik ibu bapa, sosioekonomi keluarga, pengalaman ibu bapa tentang pendidikan (Sani, 2014); sifat dan personaliti pelajar yang mudah bosan dan jemu, konsep sendiri yang lemah, faktor keluarga serta kediaman yang kurang selesa, faktor masyarakat, faktor pemakanan (Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, 2009).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Bagi mendapatkan data daripada responden kajian, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik dan sampel kajian ditentukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang merujuk kepada prosedur persampelan di mana kumpulan subjek dipilih berdasarkan adalah ciri-ciri tertentu. Sampel akan dipilih berdasarkan data yang diperolehi daripada Red Flag Risiko Cicir (RFRC) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak di mana SMK Bawong merupakan sekolah yang merekodkan peratusan kehadiran terendah dalam daerah Kuala Kangsar dan juga negeri Perak.

Selain itu, sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah menengah dalam negeri Perak dan daerah Kuala Kangsar yang enrolmennya 100% murid orang Asli dari sub-etnik Temiar. Penyelidik menggunakan jadual penentuan saiz sampel oleh *National Education Association* seperti yang dibangunkan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan diringkaskan seperti dalam Jadual 1 bagi menentukan sampel kajian.

Jadual 1: Sampel Kajian merujuk Krejcie & Morgan (1970)

Tahap	Jantina		Jumlah	Sampel Kajian berdasarkan (Krejcie, R.V. & Morgan, 1970)
	Lelaki	Perempuan		
Sederhana	16	18	34	28
Tinggi	96	73	169	113
Jumlah			203	141

Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah set soal selidik berbentuk tertutup yang mengandungi 45 item merangkumi tiga konstruk iaitu sikap, budaya dan infrastruktur. Tahap kebolehpercayaan instrumen telah dinilai dan mendapati kebolehpercayaan instrumen soal selidik bagi kajian ini adalah sangat tinggi dengan nilai pekali alpha Cronbach 0.95. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29.0*. Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti faktor yang mendorong keciciran murid orang Asli Temiar dalam pendidikan dan analisis inferensi dengan ujian-T (*T-Test*) sampel bebas digunakan bagi menentukan perbezaan pengaruh sikap dan budaya antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Faktor Keciciran Murid Asli Temiar

Jadual 2 menunjukkan faktor keciciran murid orang Asli Temiar bagi konstruk sikap, budaya dan infrastruktur. Pemilihan konstruk adalah diperoleh daripada dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa konstruk sikap, budaya dan infrastruktur adalah penyumbang terbesar kepada isu keciciran. Setiap konstruk mempunyai 15 item yang dinilai. Bagi menjelaskan dapatan tersebut Jadual 2 digunakan bagi memberi gambaran keseluruhan yang diwakili oleh skor min dan sisihan piawai serta interpretasi bagi ketiga-tiga konstruk.

Jadual 2: Faktor yang Mendorong Keciciran Murid Orang Asli bagi Konstruk Sikap, Budaya dan Infrastruktur

Konstruk	Min	S.P	Tahap
Sikap	1.82	.68	Rendah
Budaya	1.94	.75	Rendah
Infrastruktur	2.10	.74	Rendah
Keseluruhan	1.95	.66	Rendah

Hasil dapatan menunjukkan, konstruk infrastruktur memperoleh nilai min yang sedikit tinggi berbanding konstruk sikap dan budaya iaitu dengan nilai min=2.10 dan SP=0.74. Seterusnya diikuti oleh konstruk budaya dengan nilai min=1.94 dengan SP=0.75. Konstruk sikap memperoleh nilai min paling sedikit dengan nilai min=1.82 dan SP=0.68. Ini menunjukkan bahawa sikap murid orang Asli Temiar terhadap pendidikan adalah kurang positif dan tidak memberikan motivasi yang kuat untuk terus bersekolah. Pengaruh sikap ini menyebabkan murid bertindak negatif terhadap pendidikan dan kurang menyokong kehadiran untuk datang

ke sekolah. Menurut Sathish Rao, (2018) dan Khir et al., (2023) sikap yang positif terhadap pendidikan akan mempengaruhi pencapaian akademik dan motivasi belajar murid.

Kajian oleh Aini et al., (2023) mendapati sikap dan motivasi murid orang Asli yang rendah terhadap pembelajaran di sekolah menyebabkan mereka kurang bersemangat dan tidak menganggap pendidikan sebagai sesuatu yang penting untuk kehidupan mereka. Ini dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Awang et al., (2022) mendapati dorongan negatif pada jiwa menjadi punca dan penyebab orang Asli bersikap malas, kurang minat untuk belajar dan tidak gemar untuk mengasah minda bagi mengikuti sesuatu topik dalam pembelajaran turut memperkukuhkan lagi sikap malas dalam kalangan murid orang Asli. Kajian oleh Sani (2014) juga mendapati cabaran utama guru dalam menyemai minat belajar dalam kalangan murid orang Asli sukar dilaksanakan disebabkan sikap sambil lewa mereka, keengganan untuk hadir ke sekolah serta tidak mahu bergaul dengan rakan sekelas dan kaum lain, yang akhirnya menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun kajian oleh Mohd Nor et al., (2018) mendapati murid yang bersikap positif terhadap pelajaran adalah kerana telah mendapat dorongan dan nasihat ibu bapa serta ahli keluarga terhadap pentingnya pelajaran. Dalam kajian ini, konstruk sikap yang menonjol adalah disebabkan bangun lewat dan tidur lambat. Seramai 25% daripada responden kajian menyatakan bersetuju sebab ketidakhadiran ke sekolah adalah bagi item tersebut. Murid bersikap sambil lewa dan tidak mengambil berat untuk hadir ke sekolah dan seterusnya untuk belajar dan menerima pendidikan. Dapatan ini juga mungkin mencerminkan tentang gaya hidup murid seperti penggunaan telefon bimbit hingga lewat malam, tidak mendapat rehat dan tidur yang cukup serta menonton televisyen mempunyai pengaruh kepada isu ketidakhadiran berlaku.

Bagi meningkatkan tahap motivasi belajar, peranan ibu bapa dengan memberi dorongan dan semangat kepada murid seperti mewujudkan dan menyediakan persekitaran pembelajaran di rumah (Afizi Wan Hanafi et al., 2014). Seterusnya adalah membincangkan dapatan daripada konstruk budaya yang juga mencerminkan cabaran kepada murid untuk mengadaptasikan diri dengan suasana baharu yang berbeza dengan budaya kehidupan mereka di kampung. Kajian oleh Mokhtar (2019) mendapati budaya orang Asli yang lebih memfokuskan kepada kehidupan tradisional sering kali bertentangan dengan sistem pendidikan moden malah terdapat juga kes di mana murid orang Asli tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah kerana merasa terasing daripada budaya mereka.

Menurut Tan et al., (2024) setiap masyarakat orang Asli mempunyai budaya yang tersendiri dan lain daripada yang lain bagi melambangkan identiti mereka serta boleh menjadi pengaruh dalam pelbagai aspek termasuklah pendidikan. Kajian Rosnon & Talib, (2019) juga mendapati, pendidikan yang disediakan untuk murid orang Asli masih belum mengambil kira perbezaan budaya yang mengakibatkan mereka berasa tertekan dalam sistem pendidikan arus perdana. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada masalah lain yang dihadapi oleh masyarakat Asli seperti diskriminasi dan pengasingan. Malah kenyataan ini menyokong kajian oleh Yusof et al., (2013) mendapati kaedah pendidikan arus perdana adalah sangat tidak bersesuaian dengan tahap kefahaman, penguasaan bahasa dan budaya masyarakat orang Asli.

Dalam kajian ini, konstruk budaya yang menonjol adalah disebabkan suasana sekolah yang tidak sama dengan kampung dan murid berasa tidak selesa apabila berada jauh dari kampung. Seramai 36% daripada responden kajian menyatakan setuju bagi item yang menyentuh berkaitan dengan kehidupan dan suasana serta berasa selesa berada di kampung. Dapatan ini

menyokong kajian oleh Abdullah et al., (2021) mendapati persekitaran sekolah dan tempat belajar yang tidak sesuai dengan budaya anak murid orang Asli turut memberi kesan terhadap minat dan menyebabkan murid untuk menjadi malas datang ke sekolah. Hal ini membuktikan bahawa budaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat orang Asli dari pelbagai aspek, termasuk bidang pendidikan.

Murid orang Asli menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah yang berbeza daripada suasana dan lingkungan komuniti yang berbeza. Bagi konstruk infrastruktur pula menunjukkan lebih banyak variasi dan wujudnya sedikit perbezaan pandangan dalam kalangan responden. Kajian oleh Mokhtar (2019) mendapati, infrastruktur yang tidak mencukupi seperti jalan raya, sekolah yang jauh dan ketiadaan kemudahan asas seperti elektrik dan air bersih telah menjejaskan akses murid orang Asli untuk ke sekolah. Selain itu, lokasi penempatan orang Asli yang terpencil dan jauh pedalaman dari bandar menyukarkan mereka untuk mendapatkan kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi (Ng et al., 2022; Yusoff et al., 2022). Ini menyebabkan murid terpaksa menempuh jarak yang jauh untuk pergi ke sekolah serta boleh menghadapi isu keselamatan semasa dalam perjalanan (Kamarudin et al., 2020).

Dalam kajian Marzuki et al., (2014) juga mendapati, isu ketercapaian murid orang Asli dalam perjalanan ke sekolah amat penting untuk diberi perhatian dan ini bagi membolehkan mereka untuk menerima pendidikan yang sempurna apabila tahap kemudahan dan perkhidmatan ini dapat ditingkatkan. Dalam kajian ini, konstruk infrastruktur yang menonjol adalah disebabkan oleh faktor murid perlu menjaga ahli keluarga yang tidak sihat dan murid kerap kehilangan barang peribadi. Seramai 45% daripada responden kajian menyatakan setuju untuk murid menjaga ahli keluarga yang tidak sihat dan menyebabkan murid tidak hadir ke sekolah. Malah menurut Sayuti Hassan, (2024), masyarakat orang Asli memiliki struktur kekeluargaan yang unik dan erat.

Ini adalah kerana keluarga merupakan figura terpenting dalam kehidupan orang Asli yang menjadi wadah utama untuk memperoleh pendidikan dan dalam pembentukan nilai-nilai moral (Khalid et al., 2022; Razali et al., 2021). Malah mereka berpuas hati dengan apa didapati sekarang berbanding dengan apa yang diperoleh pada masa akan datang dengan menjadikan pencarian hasil hutan sebagai sumber utama rezeki untuk perbelanjaan harian mahupun untuk persekolahan (Afizi Wan Hanafi et al., 2014). Oleh yang demikian, keperluan sokongan logistik seperti kemudahan akses ke sekolah dan menyediakan inisiatif bantuan kepada murid yang menghadapi tanggungjawab keluarga perlu dinilai.

Dalam kajian R. Nordin et al., (2020) juga mencadangkan perlunya sokongan yang lebih kuat terhadap penyediaan infrastruktur pendidikan di kawasan terpencil dengan menekankan pembelajaran berasaskan budaya, melibatkan komuniti peribumi dalam pembangunan kurikulum, menyediakan latihan kepada guru untuk memahami budaya dan keperluan masyarakat orang Asli dan melibatkan komuniti orang asli secara aktif dalam pembangunan dasar dan pelaksanaan pendidikan. Program sokongan emosi dan bantuan sosial juga boleh membantu mengurangkan tekanan terhadap murid yang perlu menjaga ahli keluarga yang tidak sihat. Walaupun ketiga-tiga konstruk berada pada tahap rendah secara keseluruhan, dapatan menunjukkan isu infrastruktur seperti jarak sekolah, ketiadaan kemudahan asas dan tanggungjawab terhadap keluarga juga memainkan peranan yang penting.

Sikap dan budaya murid juga menyumbang kepada isu-isu spesifik seperti pengurusan masa dan penyesuaian kepada suasana sekolah. Penemuan ini penting untuk menjadi rujukan dalam merangka strategi atau intervensi untuk mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan murid orang Asli. Oleh yang demikian, pendekatan kepada budaya orang Asli boleh menjadi titik tolak yang baik antara guru dan murid yang kemudiannya akan memudahkan proses komunikasi yang lebih berkesan serta proses penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu perlu mengambil berat tentang budaya amalan yang boleh menjadi tarikan untuk murid kekal berada di sekolah seperti menjalankan aktiviti yang melibatkan sambutan atau pesta bagi sekolah yang mempunyai asrama.

Secara keseluruhan, didapati bahawa nilai min faktor yang mendorong keciciran murid orang Asli bagi konstruk sikap, budaya dan infrastruktur adalah pada tahap rendah dengan nilai min=1.95 dan SP=0.66. Dapatan ini menunjukkan faktor sikap, budaya dan infrastruktur secara kolektif menyumbang kepada keciciran murid orang Asli. Nilai sisihan piawai pula menunjukkan data adalah konsisten dan tidak terdapat banyak variasi antara responden.

Perbezaan Pengaruh Sikap Murid Lelaki dan Murid Perempuan Terhadap Pendidikan

Jadual 3 menunjukkan perbezaan sikap antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan.

Jadual 3: Ujian-t Perbezaan Jantina dengan Faktor Sikap Terhadap Pendidikan

Jantina	N	Min	SP	Statistik <i>Levene</i>	dk	t	sig
Lelaki	28	2.6	0.70	0.104	139	7.65	0.001
Perempuan	113	1.6	0.54				

$p > 0.05$

Berdasarkan dapatan ujian-t sampel, nilai *sig.* bagi ujian *Levene* adalah 0.104 adalah lebih besar daripada paras signifikan ($p > .05$). Ini menunjukkan bahawa varians sikap bagi kedua-dua kumpulan iaitu murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan adalah seragam. Oleh itu, analisis ujian-t yang dijalankan adalah sah dan sesuai bagi menentukan perbezaan signifikan antara kumpulan. Dapatan ujian-t menunjukkan nilai $t=7.65$ dengan darjah kebebasan (dk)=139. Nilai kebarangkalian (*sig*) ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan standard ($p < 0.05$). Oleh kerana nilai $p=0.001$ adalah kurang daripada 0.05.

Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan. Selain itu, min dan sisihan piawai sikap murid lelaki (min=2.6, SP=0.70) adalah lebih tinggi berbanding nilai min dan sisihan piawai sikap murid perempuan (min=1.6, SP=0.54). Dapatan ini selari dengan kajian lepas oleh Subeli & Rosli, (2021) dan Subramaniam & Sofwan Mahmud, (2022) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan.

Kajian Subeli & Rosli, (2021) juga mendapati bahawa tahap sikap murid lelaki terhadap pembelajaran adalah lebih tinggi berbanding murid perempuan. Namun dalam kajian Md Nor et al., (2011) terhadap orang Asli menunjukkan bahawa, murid lelaki sering menunjukkan sikap yang lebih pasif atau kurang berminat terhadap pendidikan kerana pengaruh budaya tradisional yang menekankan peranan mereka sebagai penyumbang kepada ekonomi keluarga melalui

pekerjaan bukan formal. Sebaliknya, murid perempuan pula akan lebih cenderung untuk memberi fokus kepada pendidikan sebagai peluang untuk keluar dari kitaran kemiskinan yang ada. Kajian oleh KPM, (2020) mendapati bahawa sikap murid orang Asli terhadap pendidikan sangat dipengaruhi oleh persepsi peranan mengikut jantina dalam komuniti mereka.

Malah kebanyakan daripada ibu bapa lebih menggalakkan anak-anak tidak mengira lelaki ataupun perempuan untuk bekerja berbanding dengan belajar di sekolah (Abdullah et al., 2021). Kajian oleh Rosnani Hashim (2014) mendapati sikap murid perempuan orang Asli terhadap pendidikan lebih positif, lebih komited dan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran berbanding murid lelaki dengan melihat pendidikan sebagai kerana medium dan jalan untuk meningkatkan taraf hidup dan memperoleh pekerjaan yang lebih baik dalam sektor formal. Namun berbeza dapatan kajian oleh Mohd Nor et al., (2018) mendapati, anak perempuan orang Asli lebih cenderung untuk meninggalkan sekolah dan mencari peluang pekerjaan di luar dan menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan kepada pendidikan formal disebabkan kurangnya kesedaran dan minat terhadap peluang pendidikan yang ada.

Dalam kajian Ompok, (2021) dan Z. A. Mokhtar & Lakman, (2021), terdapat perbezaan antara sikap dan persepsi murid lelaki dan murid perempuan dalam pembelajaran dan antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini adalah disebabkan oleh perbezaan jantina, persekitaran sosial dan juga budaya. Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan terdapat perbezaan antara jantina bagi konstruk sikap terhadap pendidikan bagi kajian ini. Dapatan ini menjelaskan keperluan untuk memberi perhatian kepada isu perbezaan jantina dalam pendidikan terutamanya dalam kalangan orang Asli dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan sikap dalam kalangan anak-anak orang Asli.

Dapatan ini menyimpulkan bahawa, murid lelaki mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pendidikan berbanding murid perempuan. Pihak sekolah dan guru perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan sikap murid terhadap pendidikan tanpa mengira jantina supaya mereka dapat mencapai potensi akademik yang maksimum.

Perbezaan Pengaruh Sikap dan Budaya Murid Lelaki dan Murid Perempuan

Jadual 4 menunjukkan perbezaan budaya antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan.

Jadual 4: Ujian-t Perbezaan Jantina dengan Faktor Budaya Terhadap Pendidikan

Jantina	N	Min	SP	Ujian Levene	dk	t	sig
Lelaki	28	2.7	0.63	0.316	139	6.95	0.001
Perempuan	113	1.7	0.65				

$p > 0.05$

Berdasarkan ujian-t sampel, nilai *sig.* bagi ujian Levene adalah 0.316 adalah lebih besar daripada paras signifikan ($p > .05$). Ini menunjukkan bahawa varians budaya bagi kedua-dua kumpulan iaitu murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan juga adalah seragam (homogen). Dapatan ujian-t menunjukkan nilai $t = 6.95$ dengan darjah kebebasan (dk) = 139. Nilai kebarangkalian (*sig*) ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan standard ($p < 0.05$). Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara budaya murid lelaki dan murid perempuan terhadap pendidikan. Selain itu, min dan

sisihan piawai budaya murid lelaki ($\text{min}=2.7$, $\text{SP}=0.63$) adalah lebih tinggi berbanding nilai min dan sisihan piawai budaya murid perempuan ($\text{min}=1.7$, $\text{SP}=0.65$). Ini menunjukkan murid lelaki cenderung mempunyai budaya yang lebih positif terhadap pendidikan berbanding murid perempuan.

Dapatan kajian oleh Aziah Mokhtar (2019) juga mendapati perbezaan jantina dalam komuniti orang Asli terhadap pendidikan sering berkait rapat dengan harapan budaya di mana murid lelaki biasanya terlibat dalam aktiviti luar seperti berburu dan memancing yang dilihat sebagai tanggungjawab tradisional mereka manakala murid perempuan diberikan tanggungjawab rumah tangga tetapi dengan harapan yang lebih tinggi untuk memanfaatkan peluang pendidikan. Dapatan kajian oleh Syahputra et al., (2023) juga menunjukkan amalan budaya yang masih kuat dalam masyarakat orang Asli menyebabkan ketidaksetaraan jantina dalam menerima pendidikan. Malah kajian oleh Iqbal et al., (2023) mendapati bahawa faktor budaya juga cenderung memberikan keutamaan kepada anak lelaki untuk mendapatkan pendidikan berbanding anak perempuan berikutan tanggungjawab yang akan digalas apabila sudah masuk ke alam pekerjaan.

Malah dalam kajian KPM, (2020) juga mendapati, dalam komuniti orang Asli budaya menghormati adat resam dan nilai tradisi lebih mempengaruhi lelaki untuk terlibat dalam aktiviti tradisional berbanding untuk menghadiri diri ke sekolah secara konsisten. Selain itu budaya merantau yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat orang Asli juga menjadi penyebab anak-anak kurang fokus dalam pendidikan formal dan cenderung untuk meninggalkan kampung halaman dan mencari peluang pekerjaan di luar terutamanya anak perempuan (Nadia et al., 2022). Menurut Johdi & Salleh, (2009) pula, kepercayaan yang tinggi terhadap kepercayaan nenek moyang juga menjadi penyebab masyarakat orang Asli sukar menerima pembaharuan sehingga menjejaskan keperluan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik, malah masih terdapat ibu bapa atau penjaga yang percaya budaya tidak memaksa anak untuk hadir ke sekolah sekiranya anak menolak untuk dihantar ke sekolah.

Ini jelas membuktikan budaya dan sikap orang Asli amat mempengaruhi keberkesanan pendidikan terhadap anak-anak orang Asli. Menurut Afzan et al., (2024), keperluan terhadap aspek kesaksamaan pendidikan, persekitaran sosial yang positif serta pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang responsif terhadap budaya perlu diberi perhatian bagi memperkukuh sistem pendidikan dalam usaha memperbaiki amalan pengajaran dan seterusnya melahirkan orang Asli yang lebih berjaya dan berkualiti. Dapat disimpulkan, budaya tetap kekal menjadi milik sesebuah bangsa, namun masyarakat perlu berfikir rasional demi kelangsungan hidup yang lebih baik dengan membandingkan kehidupan dan keadaan sebelum serta kesan di masa akan datang terutamanya melibatkan pendidikan. Bahkan, para guru yang mengajar murid orang Asli perlu diberi latihan khas serta mempelajari budaya dan persekitaran setempat agar dapat diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Yusof et al., 2013).

Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini memberi sumbangan yang signifikan terhadap isu dan masalah keciciran murid orang Asli Temiar di sekolah menengah di daerah kecil Sungai Siput (U), Perak. Kajian ini mengindenifikasikan beberapa faktor yang mempengaruhi masalah keciciran murid orang Asli dan memberikan panduan yang berguna sebagai rujukan dan merangka strategi yang lebih holistik. Selain itu, kajian ini juga memberikan panduan yang berguna bagi memperkukuhkan pemahaman tentang isu dan menyumbang kepada pembangunan pendidikan yang lebih inklusif. Dapatan ini juga diharap dapat memberikan pandangan dan maklumat penting

terutamanya kepada pihak pengurusan sekolah, pejabat pendidikan dan khususnya kepada pihak jabatan pendidikan negeri bagi menangani isu keciciran selain merancang program transformasi pendidikan yang lebih efektif bagi menurunkan kadar keciciran dan dapat meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan anak murid orang Asli.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan sumbangan yang penting dalam memahami dan merungkai permasalahan yang berlaku sebagai satu usaha untuk mengenal pasti dengan jelas faktor keciciran dalam kalangan anak orang Asli suku Temiar di bidang pendidikan sekaligus dapat memberikan input kepada pemegang taruh dan pihak-pihak berwajib serta merancang dan melaksanakan program dan intervensi bagi mengurangkan kadar keciciran dari terus meningkat.

Kesimpulan

Berdasarkan daripada dapatan dan perbincangan yang telah dihuraikan, didapati bahawa ketiga-tiga konstruk memberi pengaruh yang tinggi namun konstruk infrastruktur dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada isu keciciran dalam kalangan murid orang Asli Temiar. Kekurangan infrastruktur dalam kajian ini adalah melibatkan tanggungjawab murid menjaga ahli keluarga yang sakit dan isu kehilangan barang keperluan. Selain itu, murid menghadapi kesukaran akses kepada sekolah seperti masalah kenderaan, laluan pengangkutan dan membantu ibu bapa bekerja juga menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk menghadirkan diri ke sesi persekolahan secara konsisten. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam sikap dan budaya terhadap pendidikan antara murid perempuan dan murid lelaki. Murid perempuan didapati cenderung mempunyai sikap dan budaya yang kurang positif terhadap pendidikan berbanding murid lelaki.

Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh norma sosial, peranan tradisional atau tanggungjawab keluarga yang lebih diberi keutamaan kepada murid perempuan dalam komuniti Orang Asli Temiar. Sikap ini boleh menjejaskan motivasi murid perempuan untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Kesimpulannya, kajian ini menyerlahkan kepentingan usaha untuk meningkatkan kualiti infrastruktur pendidikan khususnya di kawasan pedalaman serta menangani isu budaya dan sikap terhadap pendidikan dalam kalangan komuniti Orang Asli Temiar. Usaha bersepadu melibatkan pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat diperlukan untuk mengatasi masalah keciciran ini, sekaligus memastikan akses kepada pendidikan yang adil dan inklusif untuk semua murid.

Penghargaan

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr Mohd Syaubari bin Othman atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan bimbingan yang tidak ternilai sepanjang penulisan dan proses kajian ini dilaksanakan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Tuan Pengetua, Mohd Fauzi bin Mohd Ramli dan rakan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bawong, Sungai Siput (U), Perak atas sokongan dan penglibatan yang amat penting dalam kajian ini. Saya juga berterima kasih kepada Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas ilmu yang dicurahkan. Akhir sekali, ucapan ini juga saya tujukan buat suami, anak-anak, mak ayah, adik-beradik dan rakan-rakan atas dorongan dan sokongan yang berterusan sepanjang proses menyiapkan kajian. Sekian, Terima Kasih

Rujukan

- Abd Jalil, A. H., & Abdullah, A. H. (2023). Indigenous Pedagogy Approach in Teaching Mathematics among Orang Asli Primary School Students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(9), e002494. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2494>
- Afzan, S., Ali, S., & Masnan, A. H. (2024). Cabaran dan Keperluan dalam Memperkasakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1, 2024.
- Aini, Z., Don, A. G., & Marlon Abdullah, M. Y. (2023). Pendidikan Sebagai Faktor Pemilihan Pekerjaan dalam kalangan Remaja Orang Asli. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002225. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2225>
- Awang, M. M., Khairuddin, K. F., Ahmad, A. R., Ghani, S. A., Wahab, J. L. A., & Mamat, R. M. S. R. (2022a). School Absenteeism: Contributing Factors, Activities during Truancy and Learning Culture Aspiration among Native Pupils. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(1), 277–308. <https://doi.org/10.32890/mjli2022.19.1.10>
- Hassan, A. I., Nor, A. M., Zakaria, U. S., & Ayub, N. (2023). A Study of Uniten JAKOA Student: Awareness, Readiness, Usage of Cloud Computing. <https://doi.org/10.15405/epfe.23081.85>
- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020). Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1), 1–20. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol21no1.304>
- Kamsin, I. F., & Khalid, F. (2023). Education: Orang Asli Students' Perspectives. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i12/20235>
- Khalid, N. N., Hassan, M. S., & Abdullah, M. S. (2022). Isu Dan Cabaran Hak Kesihatan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1981>
- Khair, A. M., Ahmad, N., Azizul, M. D. A., Samah, A. A., & Hamsan, H. H. (2023). Orang Asli Perceptions Toward Income Increment Program in Perak, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i1/15040>
- Mat Pelet Mohamad Nik, Samud Nurul Nadia, Harijaman Norita, & Damsik Juliana. (2023). Pengaruh Sosiobudaya Hukum Sayeit Terhadap Sikap dan Amalan Masyarakat orang Asli dalam Pendidikan. *International Conference on Modern Languages and Applied Linguistics*, 76–87.
- Mohamad Shah, D. S., Mohd Adnan, A. H., Mohd Salim, M. S. A., Yusof, A. M., & Mohd Tahir, M. H. (2020). The Non-Formal Education of Orang Asli Adolescents in Malaysia: From Community to University. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1–8. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v5i1.4812>
- Mokhtar, Z. A., & Lakman, N. A. (2021). Peralihan Dari Pembelajaran Bersemuka Ke Pembelajaran Secara Atas Talian Untuk Subjek Mechanics of Civil Engineering Structures Semasa Pandemik COVID-19. *Anp Journal of Social Sciences and Humanities*. <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i2.2.2021>
- Ng, K. C., Yap, S. C., & Cheng, K. M. (2022). Perubahan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Selepas Penempatan Semula Di Kampung Pertak Dan Gerachi Jaya, Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1742>

- Nordin, N. A., & Abdul Wahab, N. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10–21. <https://doi.org/10.53797/aspen.v1i1.2.2021>
- Sawalludin, A. F., Jia Min, C. L., & Mohd Ishar, M. I. (2020). The Struggle of Orang Asli in Education: Quality of Education. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 46–51. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.346>
- Yew, W. C., Md Ramlan, S. F., Ahmad, M. R., Ab Manaf, N., Lyndon, N., & Lim, J. W. (2021). Persepsi Ibu Papa Orang Asli Terhadap Pengalaman Pendidikan Anak-anak Orang Asli di Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 24–39. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1199>
- Yusoff, R. M., Halim, S. A., & Pereira, J. J. (2022). Impak Pembinaan Empangan Temenggong Ke Atas Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Jahai Di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. In *Asian People Journal (Apj)*. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.315>
- Zainal, R., Selamat, S., Abdullah, M. H., Isa, K., Rozali, M. Z., & Md Saleh, H. (2022). The Humanism Approach Among Teachers to Increase Indigenous Students Participation. *Journal of Techno-Social*, 14(2). <https://doi.org/10.30880/jts.2022.14.02.009>